



Antara yang hadir ke program Kerjaya dan Pembangunan Insaniah Belia.

Peluang belia belajar, kerja di Singapura

PORT DICKSON - Seramai 50 peserta belia daripada keluarga asnaf di seluruh Negeri Sembilan menyertai Program Kerjaya dan Pembangunan Insaniah Belia Negeri Sembilan, di sini, baru-baru ini.

Program berkenaan dianjurkan Majlis Agama Islam Negeri Sembilan (Mains) dengan kerjasama Tharshal Trading Academy dan City Metropolitan College, Singapura.

Pengarah Kolej Metropolitan City, NMT Murthy berkata, kerjasama ini bagi menganjurkan projek perintis sebagai inisiatif membantu golongan asnaf di negeri ini.

Menurutnya, pihak kolej telah menawarkan program diploma, diploma lanjutan, diploma perniagaan, perhotelan serta pelancongan kepada peserta yang terpilih.

Sementara, pihak Mains akan

menaja kos awal belia yang layak dan terpilih melanjutkan pengajian di Singapura sambil bekerja sepenuh masa dengan sokongan Metropolitan City College Singapura serta pejabat Baitulmal daerah di negeri ini.

Hadir sama, Pengarah Pembangunan Perniagaan Tharshal Training Academy Sdn Bhd, Aziyah Zainal dan Pegawai Zakat Baitulmal, Zainal Said.